

Mahathir beritahu cadangan Kerajaan

# Sekolah Kg. Baharu tetap Pusat Latihan

**KUALA LUMPUR, 15**— Kerajaan tetap bercadang hendak menjadikan Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Kampung Baharu di sini sebagai Pusat Latihan Guru.

Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad, menjelaskan demikian kepada para-pemberita setelah rombongan tujuh orang wakil Lembaga dan Persatuan Ibu-Bapa dan Guru Sekolah Kebangsaan itu menyerahkan satu memorandam kepadanya hari ini.

"Saya berharap pihak Lembaga dan PIBG sekolah itu menimbang cadangan Kementerian Pelajaran demi kepentingan pelajaran murid-murid masa depan. Beliau menerangkan Kement-

Oleh HJ. RAHMAN RAHIM

terian Pelajaran sekarang menghadapi kekurangan guru-guru terlatih, bilangan guru sementara telah meningkat 12,000 orang.

"Mereka ini tidak ada tempat hendak dilatih untuk memberikan hasil yang sempurna kepada murid-murid," katanya.

Beliau menjelaskan empat buah sekolah telah dipilih berdasarkan kemerusutan bilangan murid untuk dijadikan Pusat Latihan Guru mulai tahun 1976.

"Tiga buah sekolah lain, semuanya telah bersetuju atas cadangan itu," katanya.

Sekolah-sekolah itu ialah: Sekolah Kebangsaan Kangar, Perlis,

sekolah Kebangsaan Teruntum Kuantan, Pahang.

Sekolah Jenis Kebangsaan Jalan Northam, Pulau Pinang.

Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda, Kampung Baharu, Kuala Lumpur itu dijangka boleh menempatkan seramai 350 orang guru berlatih setahun.

Sekolah Kebangsaan Kangar, Perlis, boleh memuat seramai 175 orang guru berlatih. Sekolah Kebangsaan Teruntum, Kuantan juga 175 orang guru dan Sekolah Jenis Kebangsaan Jalan Northam, Pulau Pinang seramai 210 orang guru.

"Matlamat Kementerian Pelajaran ialah hendak melatih seramai 40,000 orang guru lagi dalam masa 10 tahun, disamping 80,000 guru terlatih yang ada sekarang," katanya.

Beliau menerangkan setakat ini Kementerian Pelajaran dapat melatih 800 orang guru setahun. "Bilangan itu pun telah melebihi 300 orang dari tahun lalu," katanya.

Menurutnya kiranya Kementerian Pelajaran bergantung kepada dasar latihan yang ada sekarang, tentu memakan masa sekurang-kurangnya lebih 40 tahun untuk mencapai matlamat 40,000 orang guru itu.

"Sedangkan murid-murid bertambah tiap-tiap tahun. Bilangan guru-guru sementara juga akan meningkat tiap-tiap tahun.

"Ini akan merugikan,

kerana guru-guru sementara itu kurang sempurna memberikan khidmat.

## Diakui

"Mereka terpaksa menjalani beberapa kursus dahulu sebelum dikira layak dan diakui sebagai guru terlatih," katanya.

Beliau menjelaskan dalam usaha mengatasi masalah itu Kementerian Pelajaran terpaksa mencari tempat-tempat untuk melatih guru dengan lebih ramai.

"Kiranya Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda itu dijadikan Pusat Latihan, seramai kira-kira 16,000 murid mendapat pelajaran dari guru-guru terlatih setahun.

"Sedangkan kira-kira 400 orang murid di sekolah itu boleh ditempatkan di sekolah-sekolah kebangsaan yang berdekatan," katanya.

Menurutnya, pelajaran murid-murid itu pula tidak terjejas dan tidak merosakkan Bahasa Kebangsaan.

Beliau menerangkan, moral Kampung Baharu juga akan naik dengan adanya Pusat Latihan Guru di kampung itu.

Dr. Mahathir menerangkan kiranya masalah ini tidak diatasi sekarang tentu masa depan murid-murid akan lebih buruk lagi.

Ketua rombongan itu, Encik Bidin Subari, kemudiannya berkata: "Kami tidak menentang dasar Kementerian Pelajaran.

"Apa yang menjadi kemuskilan ialah kemerosotan bilangan murid sekolah itu berpunca dari dasar pelajaran sendiri.

"Kiranya Kementerian Pelajaran tetap dengan pendiriannya, kami akan berkempen untuk menarik lebih ramai lagi ibubapa menghantar anak-anak mereka ke Sekolah Kebangsaan Jalan Raja Muda tahun depan," katanya.